

**Selepas 100 hari, pesawat MH370 kekal jadi misteri penerbangan
Malaysian Insider
Jun 15, 2014
Oleh Lee Shi-Ian**

Seratus hari lalu, MH370 meninggalkan Kuala Lumpur dengan 239 penumpang ke Beijing tetapi pesawat Malaysia Airlines itu kini berakhir dalam buku-buku sejarah sebagai "misteri penerbangan yang belum pernah terjadi sebelum ini".

Di manakah Boeing 777-200ER Malaysia Airlines? Inilah persoalan di minda ramai pihak, daripada syarikat Putrajaya yang mengalami kerugian; kepada pembuat pesawat Boeing dan seluruh dunia.

Misi mencari dan menyelamatkan termahal dalam sejarah penerbangan itu gagal mencari petunjuk fizikal lokasi terakhir MH370 selepas ia lenyap daripada radar awam dan tentera dua jam selepas berlepas.

Pencarian yang bermula di Laut China Selatan meliputi semenanjung Malaysia ke Selat Melaka, Lautan Andaman dan akhirnya ke selatan Lautan Hindi.

Tetapi tiada apa yang ditemui kecuali isyarat elektronik yang mengesan laluan pesawat ke Lautan Hindi yang berhampiran dengan Australia.

Petunjuk dan jawapan

Beberapa ahli keluarga 227 penumpang dalam pesawat mensasarkan untuk mengumpul AS\$5 juta di laman Indiegogo sebagai ganjaran kepada sesiapa yang berjaya mendapat jawapan tentang kehilangan MH370.

Sudah seminggu pengumpulan dana itu dilakukan dan AS\$34,000 berjaya dikumpul dengan lagi 25 hari untuk mencapai sasaran mereka.

Pihak berkuasa Malaysia dan Australia sudah mula mengeluarkan tender untuk syarikat swasta mengambil bahagian dalam pencarian itu di mana kedua-dua negara akan berkongsi membayar bil akhir.

Putrajaya berkata syarikat petroleum negara Petronas dan syarikat pertahanan DRB-Hicom Defence akan membayar pencarian pesawat MH370. Kerajaan juga berkata Malaysia sudah membelanjakan RM27.6 juta setakat ini dalam fasa pertama pencarian.

Pencarian MH370

Hari-hari awal kehilangan pesawat, lebih 20 negara bekerjasama dan menawarkan khidmat mereka daripada segi kelengkapan dan tenaga manusia untuk mencari MH370 di Laut China Selatan.

Terdapat beberapa petunjuk salah, termasuk tumpahan minyak ditemui di Laut China Selatan dan serpihan. Bagaimanapun semakin kemudian mendapati ianya bukanlah minyak atau serpihan daripada pesawat MH370.

Imej satelit beberapa negara menemui kemungkinan serpihan di beberapa kawasan Laut China Selatan tetapi kemudiannya terbukti petunjuk palsu.

Misi pencarian kemudiannya diperluaskan ke semenanjung Malaysia, Selat Melaka dan utara Indonesia, semuanya merupakan laluan pesawat MH370 ke Beijing.

Selepas lebih 2 minggu pencarian di Laut China Selatan tanpa menemui apa-apa, pihak berkuasa Malaysia menghentikan misi mencari dan menyelemat di kawasan tersebut dan meminta bantuan daripada Amerika Syarikat dan United Kingdom (UK) untuk mencari pesawat hilang itu.

Tempat terakhir pesawat?

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kemudiannya mendedahkan data daripada operator satelit UK, Inmarsat mendapati pesawat tersebut berkemungkinan terbang melalui koridor utara atau selatan Lautan Hindi.

Misi mencari dan menyelamat kemudiannya dilakukan sepanjang dua koridor ini untuk mencari pesawat hilang MH370 sebelum analisis lanjut mendapati kawasan selatan sebagai laluan mungkin diambil pesawat Boeing 777-200ER itu, yang dinilai sebagai salah satu pesawat paling selamat di dunia.

Australia mengetuai operasi itu, menubuhkan Pusat Penyelarasan Agensi Bersama (JACC) dan meletakkan bekas Marshal Udara, Angus Houston sebagai ketua misi. Walaupun cuaca buruk dan keadaan laut paling merbahaya, anggota misi terus mencari dengan menggunakan kelengkapan dalam laut.

Walaupun berjuta dolar dibelanjakan, kawasan besar tanah dan laut digeledah, peralatan canggih digunakan, MH370 masih gagal dikesan keberadaannya dan masih tidak terdapat sebarang petunjuk.

Penghujung Mei lalu, pihak berkuasa Australia mengumumkan kawasan pencarian di Lautan Hindi mungkin bukanlah tempat terakhir pesawat MH370.

Dirampas atau terorisme?

Baru-baru ini akhbar Inggeris Daily Mirror menyiarkan 634 kemungkinan kawasan di mana MH370 mungkin mendarat sekiranya ia dirampas.

Dijangkakan, pesawat tersebut berkemungkinan terbang 2,200 batu selepas hilang daripada radar.

Kemungkinan landasan untuk penerbangan MH370 mendarat tersebar jauh ke utara seperti Pakistan kepada sejauh pantai barat Australia atau Jepun, lapor Daily Mirror.

Lokasi jauh lain termasuk Micronesia, Mongolia dan Maldives.

Dalam minggu-minggu awal pencarian, didedahkan dua penumpang MH370 menaiki penerbangan dengan menggunakan pasport curi, menyebabkan Jabatan Imigresen Malaysia dipersoalkan.

Luigi Maraldi dari Itali dan Christian Kozel dari Austria melaporkan pasport mereka hilang di resort pulau Phuket di Thailand, tetapi nama mereka muncul sebagai penumpang untuk penerbangan MH370.

Polis kemudiannya mendedahkan dua rakyat Iran, Pouria Nour Mohammad Mehrdad, 18, dan Delavar Seyed Mohammad reza, 29, menaiki pesawat itu menggunakan pasport curi.

Kedua-dua lelaki itu tidak didapati mempunyai kaitan dengan keganasan tetapi polis berkata mereka berkemungkinan sedang dalam percubaan berhijrah ke Jerman.

Penemuan penumpang menggunakan pasport curi menjadi berita utama akhbar dan menimbulkan persoalan tentang keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Tetapi semua ini hampir dilupakan dan hanya satu persoalan timbul selepas 100 hari pesawat dan penumpang hilang di udara, di mana MH370? – 15 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/selepas-100-hari-pesawat-mh370-kekal-jadi-misteri-penerbangan>